

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	3 OCTOBER 2016

# Siapa PM pembangkang jika perintah Malaysia?

## SAUDARA PENGARANG.

**S**IAPA yang bakal menjadi Perdana Menteri sekiranya pakatan pembangkang memerintah Malaysia menjadi bahan perbualan politik sejak kebelakangan ini. Persoalan yang sama pernah dibangkitkan menjelang Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) yang lalu tetapi sehingga kini masih belum terjawab.

Ketika bekas Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim disebut-sebut menjadi Perdana Menteri dan kemudian mendapat sokongan padu daripada DAP, kini muncul pula satu calon baharu daripada Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) yang digerakkan oleh bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad.

Dr. Mahathir menamakan bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin untuk menerajui pentadbiran kerajaan sekiranya PRU-14 dimenangi oleh pakatan pembangkang. Persoalannya, apa sudah jadi dengan gerakan pakatan pembangkang di negara ini? Belum bermula kerajaan yang diangan-angankan, sudah ketara perpecahannya antara parti-parti terlibat.

Adakah ini strategi Dr. Mahathir dalam usaha memperlihatkan keyaakinannya sebagai pemimpin baharu untuk pakatan pembangkang di negara ini? Saya melihat tujuan Dr. Mahathir merampas platform gerakan pembangkang semata-mata untuk menentang kerajaan sedia. Beliau nampaknya begitu terdesak dalam mencapai objektif politiknya.



DR. MAHATHIR MOHAMAD



ANWAR IBRAHIM



MUHYIDDIN YASSIN



ABDUL HADI AWANG



**Yang pasti, Muhyiddin kini menjadi sandaran PPBM sebagai bakal Perdana Menteri manakala Dr. Mahathir sibuk mencatur perancangan politik.**

Yang pasti, Muhyiddin kini menjadi sandaran PPBM sebagai bakal Perdana Menteri manakala Dr. Mahathir sibuk mencatur perancangan politik. Anehnya Dr. Mahathir sendiri enggan menjadi calon untuk bertanding pada PRU-14 dengan pelbagai alasan.

Jelas PPBM yang baru lahir sudah ghairah mahukan jawatan Perdana Menteri sekiranya pakatan pembangkang menang pada pilihan raya umum akan datang. Tertanya-tanya juga saya, bagaimana pula halnya dengan PKR dan sekutunya DAP. Bagi saya mereka tetap mahukan

Anwar sebagai Perdana Menteri.

Selama ini pun Anwar telah melabur untuk mendapatkan sokongan DAP sehingga sanggup mengikut telunjuk parti berkenaan dalam banyak isu kritikal. DAP juga tidak mahu melepaskan kesempatan ini apabila melihat Anwar boleh dijadikan sebagai alat menjayakan agenda mereka.

Tetapi jangan lupa bahawa Pas sebagai parti akar umbi mempunyai hak untuk menobatkan Presiden mereka, Datuk Seri Abdul Hadi Awang sebagai Perdana Menteri. Atas kertas, Pas lebih berpengaruh dan ramai penyokong berbanding PKR. Inilah kenyataan yang perlu diakui oleh semua pihak.

Bahkan kejayaan DAP dalam PRU-13 adalah hasil daripada sokongan ahli-ahli Pas. Sebagai pemerhati, Abdul Hadi mengikut pandangan saya jauh lebih layak untuk menjadi Perdana Menteri. Beliau tidak dipenjarakan dan lebih bermoral. Malah mempunyai pengetahuan agama

yang cukup hebat.

Selain itu, Pas lebih diterima oleh orang Islam dan Melayu berbanding PKR yang menjadi tunggangan DAP. Lagipun PKR terpecah dua. Kumpulan yang diketuai Presidennya, Datin Seri Wan Azizah mahukan Anwar sementara timbalannya yang juga Menteri Besar Selangor, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali pula lebih terbuka dalam soal memilih seorang Perdana Menteri.

Sesiapa pun dalam perkara ini boleh memberikan analisis. Namun demikian setiap parti berhak untuk menuntut pemimpin masing-masing menjadi Perdana Menteri, jika pakatan pembangkang menang pada PRU-14.

Setakat ini, biarkanlah mereka tidur sebentar walaupun mimpi lain-lain asalkan itu boleh membahagiakan. Biarkanlah juga rakyat menilai antara intan dan kaca apabila sampai masanya.

**ZAMANI ZAMAN**

Desa Pandan, Kuala Lumpur